

20/06/1998

Awasi kegawatan politik

BEKAS Timbalan Presiden Umno, Tan Sri Musa Hitam, sependapat bahawa ahli parti perlu berhati-hati dengan ancaman luar yang sentiasa mengambil kesempatan untuk memecahbelahkan parti ketika kerajaan menghadapi masalah dan kegawatan ekonomi.

Katanya, ini kerana kegawatan ekonomi yang dihadapi sekarang dikhuatiri akan menular kepada kegawatan politik.

Menurutnya, menjadi kebiasaan pihak musuh akan cuba mengambil kesempatan untuk memecahbelahkan parti, ketika kerajaan bertungkus-lumus memperbetulkan keadaan ketika kegawatan ekonomi.

"Seperti apa yang disebut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan dasarnya, iaitu kegawatan politik hasil daripada kegawatan ekonomi, maka saya fikir ahli Umno harus mengambil perhatian terutama ancaman luar yang akan mengancam kestabilan Umno, parti politik yang menjadi tunjang kepada kerajaan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap keadaan akan lebih stabil selepas perwakilan mendengar ucapan dan amanat Presiden Umno dalam menjalankan proses politik di kalangan ahli parti supaya tidak menjadi mangsa kepada anasir luar.

Musa berkata, menjadi tabiat manusia yang sememangnya sentiasa tidak puas hati, lebih-lebih lagi dalam parti politik seperti Umno.

"Kita harus menerima hakikat dan realiti dalam proses politik kerana perasaan tidak puas hati yang disuarakan itu adalah di dalam lingkungan famili Umno dan sudah menjadi tradisi Umno menyuarakannya dalam mesyuarat agung.

"Famili Umno ialah famili yang rakyat jelata mengharapkan kerajaan mengatasi apa jua masalah yang dihadapi oleh negara dan famili Umno jugalah telah membuktikan bahawa kerajaan berjaya membawa kemajuan kepada negara," katanya.

Menurutnya, ahli Umno tidak harus melihatnya sebagai perpecahan dalam parti sebaliknya sekadar bertukar pendapat dan pandangan sesama ahli Umno.

Beliau yakin, sikap pengesanan dan pengimbangan di kalangan ahli Umno adalah sebahagian daripada proses demokrasi dalam sebuah parti yang dimiliki rakyat.

Bekas Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Rais Yatim, pula berkata, ingatan Dr Mahathir supaya semua ahli parti menyiapkan diri dalam arus perubahan globalisasi tepat pada masanya.

Menurutnya, perubahan globalisasi menuntut setiap ahli Umno melakukan reformasi dalaman secara serius dalam sektor yang dianggap penting.

"Dr Mahathir pernah menyatakan soal reformasi menyeluruh ini dalam ucapan dasarnya pada perhimpunan 1996. Tapi hari ini Presiden menekankan lagi soal ini," katanya.

(END)